



Available online at [www.sciencedirect.com](http://www.sciencedirect.com)

**ScienceDirect**

Procedia - Social and Behavioral Sciences 134 (2014) 408 – 415

**Procedia**  
Social and Behavioral Sciences

ICLALIS 2013

## Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu

Zaliza Mohamad Nasir<sup>a\*</sup>, Zaitul Azma Zainon Hamzah<sup>b</sup>

<sup>a</sup>*Akademi Bahasa, Universiti Teknologi Malaysia, 81300 Skudai, Johor*

<sup>b</sup>*Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor*

### Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Seramai 16 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian untuk memenuhi objektif kajian ini iaitu untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan juga untuk mengetahui sejauh mana tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa. Borang soal selidik digunakan sebagai bahan kajian bagi mendapatkan data dan dianalisis berdasarkan deskriptif asas dengan melihat kepada peratusan sahaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga mereka. Dapatkan kajian juga mendapat faktor peranan tenaga pengajar juga menjadi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini di dapat faktor persekitaran tidak banyak membantu pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing. Masyarakat tempatan dilihat kurang selesa bertutur dalam bahasa Melayu dengan mereka. Keseluruhananya, pelajar asing mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu sekiranya mendapat dorongan dan panduan daripada individu berkaitan.

© 2014 The Authors. Published by Elsevier Ltd. Open access under [CC BY-NC-ND license](#).

Selection and peer-review under the responsibility of the Organizing Committee of ICLALIS 2013.

Kata kunci: Sikap, motivasi, pembelajaran bahasa Melayu, pelajar asing

### 1. Pendahuluan

Mata pelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar asing di Universiti Teknologi Malaysia telah diletakkan dalam kelompok bahasa ketiga. Bermula pada tahun 1996, selaras dengan kemasukan pelajar antarabangsa di IPT

\* Corresponding author: Zaliza Mohamad Nasir Tel.:+60137403995  
*E-mail address:*:m-zaliza@utm.my, zaitul@fbmk.upm.edu.my

Malaysia, pihak pengurusan UTM telah menjadikan kursus Bahasa Melayu Komunikasi sebagai satu kursus wajib kepada para pelajar asing di UTM di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Mata pelajaran ini ditawarkan khusus untuk pelajar asing yang mengikuti pengajian di UTM. Mereka perlu mengikuti kelas BM yang ditawarkan dan mengikutinya selama satu semester. Setiap semester, kursus tersebut diperlukan dengan dua jam kredit yang menyamai dua jam pertemuan seminggu.

Pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu di UTM ini terdiri daripada pelajar yang berbeza latar belakang serta berasal dari pelbagai negara dan baru pertama kali mempelajarinya di UTM. Selain itu, pelajar juga datang daripada pelbagai fakulti yang berbeza. Berdasarkan Teori causal attributional, perbezaan persekitaran dan faktor personal seperti pengetahuan, kepercayaan terdahulu serta perbezaan individu mempengaruhi persepsi seseorang pelajar untuk berjaya dan sikapnya terhadap pembelajaran (Gardner, 1992). Oleh itu, kepelbagaian latar belakang serta kepelbagaian gugusan fakulti pelajar UTM dijangka mempengaruhi sikap pelajar terhadap bahasa dan pembelajaran bahasa Melayu di UTM.

Manakala motivasi pula dirangsang oleh dua aspek yang meliputi motif dan insentif. Insentif adalah galakan yang mendesak individu berusaha untuk mendapatkan ganjaran seperti markah, gred, hadiah, sijil dan sebagainya. Manakala motif pula terdiri daripada keperluan dan dorongan. Menurut Habibah (1983) dalam Nurul (2012), motif timbul daripada dorongan semula jadi atau minat yang diperolehi daripada kuasa dinamis yang mempengaruhi pemikiran, emosi dan tingkah laku.

## **2. Sikap dan kesediaan pelajar mempelajari bahasa kedua.**

Cara penguasaan bahasa pertama dan kedua adalah berbeza. Penguasaan bahasa pertama adalah melalui pemerolehan iaitu proses semulajadi yang melibatkan keadaan mental itu berada pada situasi yang tidak sedar dan tidak dirancang seperti cara bayi memperoleh bahasa ibundanya. Manakala bahasa kedua diperolehi dalam bentuk pembelajaran bahasa baru yang dirancang dengan proses yang sengaja sifatnya.

Sikap pula mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian seseorang di dalam pembelajarannya. Sikap ialah sesuatu yang abstrak dan hanya dapat dilihat atau dirasa melalui tindakan yang diambil. Dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap banyak mempengaruhi sejauh mana pelajar dapat mempelajari dan menguasainya dengan cepat (Zamri Mahamod, 2004). Faktor diri sendiri merupakan faktor yang paling mempengaruhi seseorang untuk mempelajari sesuatu bahasa. Jika pelajar itu memiliki sikap yang positif seperti kesedaran tentang pentingnya bahasa yang dipelajarinya , maka dia akan cuba menguasai bahasa tersebut dengan pelbagai cara.

Kesediaan belajar adalah satu situasi yang memungkinkan seseorang itu untuk belajar. Thorndike (1932) dalam Kamaruddin Hussin (1993) yang mengutarakan prinsip kesediaan belajar berpendapat bahawa proses pembelajaran itu akan menjadi lebih berkesan sekiranya sudah wujud kesediaan dalam diri murid-murid untuk menerimanya. Pembelajaran itu tidak boleh dipaksa jika belum sampai masanya, dan sekiranya dilakukan juga, ia tidak akan menghasilkan sesuatu yang baik dan sempurna. Kesediaan yang dimaksudkan ialah kesediaan kognitif, kesediaan afektif dan kesediaan psikomotor.

Motivasi pula ialah penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat (Bernard, H.W. 1965 dalam Kamaruddin Hussin, 1993). Motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesanannya. Pelajar yang bermotivasi tinggi biasanya mempunyai dorongan yang kuat dan mantap untuk terus berminat dengan apa yang disampaikan hasil dari rangsangan-rangsangan yang kuat iaitu menerusi insentif dan motif. Insentif dalam pengajaran dan pembelajaran sering disampaikan dalam bentuk ekstrinsik seperti markah, gred, wang, pujian, penghargaan, tanda bintang dan sebagainya. Motif pula timbul akibat dorongan semula jadi atau kecenderungan individu yang menggerakkan individu untuk bertindak bagi mencapai sesuatu matlamat walaupun dalam tempoh yang lama. Oleh kerana para pelajar mempunyai kecenderungan dan minat yang berbeza, mereka harus dibantu supaya berminat untuk belajar. Sebagai guru pula, seboleh-bolehnya dapat memilih bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, kaedah dan teknik

Download English Version:

<https://daneshyari.com/en/article/1113697>

Download Persian Version:

<https://daneshyari.com/article/1113697>

[Daneshyari.com](https://daneshyari.com)